

TRANSFORMASI PENGURUSAN ZAKAT AGIHAN ZAKAT: KAJIAN DI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

*Transformation of Zakat Distribution Management: Study At Lembaga Zakat
Negeri Kedah*

Syarifah Md Yusof ^{1*}

Azizah Othman ²

Nor Aina Mhd Khotib ³

Muhammad Nasri Md Hussain ⁴

^{1,3,4} Institut Pengurusan Halal, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia

² Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

*Corresponding author (Email: syarifah@uum.edu.my)

Received: 18 February 2023, Reviewed: 22 February 2023, Published: 31 March 2023

Abstrak: Persepsi negatif terhadap zakat sering kali dikaitkan dengan pengagihan zakat yang tidak adil, tidak telus, lambat, dan pelbagai lagi sehingga terdapat segelintir masyarakat Islam yang hilang kepercayaan kepada institusi zakat. Hal ini seterusnya menyebabkan mereka beralih kepada membayar zakat secara terus kepada asnaf yang dicari sendiri kerana menafikan keberkesanan agihan zakat oleh institusi zakat. Zakat Kedah atau Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah melakukan transformasi besar-besaran pengurusan zakat bagi menambah baik pengurusan institusi zakat demi keadilan para asnaf dan institusi Islam di pandang tinggi oleh masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti transformasi yang dilakukan oleh Zakat Kedah dalam pengurusan agihan zakat. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah temu bual untuk mengutip data. Empat aspek utama transformasi yang dilakukan dalam pengurusan agihan adalah urus tadbir agihan, promosi agihan, proses permohonan agihan dan kaedah agihan zakat. Implikasi daripada kajian ini, institusi zakat yang lain boleh mencontohi inovasi yang dilakukan oleh Zakat Kedah dalam mengurus agihan zakat. Kajian akan datang boleh mengkaji kesan transformasi pengurusan zakat kepada kualiti hidup asnaf di Kedah serta kepuasan hati pembayar zakat kepada institusi zakat.

Keywords: Transformasi Zakat, Agihan Zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah

Abstract: The negative perception of zakat is often associated with the unfair distribution of zakat, non-transparent, slow, and more has affected the trust of zakat payers toward zakat institutions. This in turn caused them to pay zakat directly to the asnaf after denying the effectiveness of the zakat distribution by the zakat institutions. Kedah State Zakat Board (LZNK) has undertaken a massive transformation of zakat management to improve the management of zakat in Kedah. Therefore, this study aims to identify the transformation process made by Zakat Kedah in managing zakat distribution. A qualitative approach was applied in this study by using interview methods to collect data. The result of the study found

that the transformation could be addressed in for aspects. Those aspects are distribution governance, promotion, the application process, and the zakat distribution method. Implications from this study, other zakat institutions can emulate the innovations made by LZNK in managing the distribution of zakat. It is suggested that future studies examine the impact of the transformation of zakat management on the quality of life of asnaf in Kedah and the satisfaction of zakat payers to the zakat institutions.

Keywords: Zakat Transformation, Zakat Distribution, Lembaga Zakat Negeri Kedah

PENGENALAN

Agihan zakat adalah aspek yang sangat penting dalam pengurusan zakat kerana matlamat kefarduan zakat adalah untuk memberi keadilan kepada asnaf. Pengurusan agihan yang adil dapat menyantuni asnaf dengan memenuhi keperluan hidup mereka agar dapat mencapai tingkat kualiti hidup yang baik dan sejahtera.

Namun, terdapat beberapa isu ketidakpercayaan masyarakat kepada institusi zakat dan ketidakpuasan hati masyarakat terhadap agihan zakat yang dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia (Nor Paizin, 2016). Masyarakat meragui kemampuan institusi zakat untuk mengurus kutipan dan agihan zakat (Ahmad Razimi et al., 2016). Hal ini mungkin juga berpunca daripada kegagalan institusi zakat melakukan transformasi pengurusan seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Che Mohd Salleh dan Chowdhury (2020) mendapati bahawa institusi zakat masih kurang menggunakan teknologi khususnya untuk tujuan pengagihan zakat; program kesedaran berzakat dan pelaporan dana zakat kepada masyarakat awam.

Dalam aspek pengurusan agihan zakat, pelaksanaan birokrasi masih menjadi isu yang memerlukan transformasi agar proses agihan lebih mudah dan cepat sampai kepada asnaf yang layak. Menurut Norhapizah Ismail, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor (2018), isu birokrasi menyebabkan proses kelulusan untuk setiap permohonan bantuan zakat mengambil masa yang agak lama. Hal ini menyebabkan asnaf merasakan sukar untuk menerima bantuan daripada institusi zakat. Justeru artikel ini akan mengkaji transformasi dalam pengurusan agihan zakat yang telah dilaksanakan oleh salah satu institusi zakat di Malaysia, iaitu Lembaga Zakat Negeri Kedah.

SOROTAN KARYA

Pengurusan Agihan Zakat

Islam telah meletakkan hal berkaitan zakat di bawah bidang kuasa amil zakat. Peranan amil zakat begitu penting sehingga Islam menjadikan amil zakat sebagai salah satu daripada asnaf zakat. Amil zakat berhak menerima 1/8 daripada kutipan zakat sebagai imbalan kepada tanggungjawab amil mengurus zakat.

Pengurusan moden zakat telah menginstitusikan amil dengan membentuk institusi amil bagi mengurus zakat. Di Malaysia institusi amil dibangunkan oleh pihak kerajaan bagi mengurus hal ehwal zakat secara professional. Ruang lingkup tanggungjawab institusi amil merangkumi menyampaikan dakwah dan kesedaran berzakat, mengutip zakat daripada

golongan yang layak membayar zakat dan mengagihkan zakat secara adil dan berkesan (Wijayanti & Ryandono, 2020; Nor Paizin, 2016).

LZNK merupakan sebuah institusi zakat yang bertanggungjawab mengurus zakat di negeri Kedah, sebuah negeri yang berada di utara Semenanjung Malaysia. Pada asasnya, urusan agama termasuk zakat diletakkan di bawah Ketua Agama di setiap negeri iaitu Sultan atau Raja. Bagi negeri yang tidak mempunyai Sultan atau Raja, Ketua Agama adalah Yang DiPertuan Agong. Selaras dengan itu, LZNK ditubuhkan pada tahun 2015 menggantikan Jabatan Zakat Negeri Kedah (LZNK). Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah 2015 diluluskan bagi menggantikan Enakmen Jabatan Zakat Negeri Kedah. LZNK bertanggungjawab penuh kepada di bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah selaku Ketua Agama bagi Negeri Kedah. Sebelum Penubuhan LZNK, zakat di Kedah diurus oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah (Othman et al., 2021).

LZNK diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO). Pada masa kini, LZNK diterajui oleh Dato' Zakaria Othman yang mula dilantik pada tahun 2017. Pengurusan zakat di bawah CEO yang baru dilihat telah melakukan transformasi besar-besaran secara menyeluruh. Aspek pengurusan agihan zakat turut mengalami perubahan lebih-lebih lagi dengan ledakan teknologi Revolusi Industri 4.0.

Transformasi Agihan Zakat

Ryandono dan Wijayanti (2019) menyatakan bahawa organisasi zakat perlu melakukan transformasi daripada berbentuk kebajikan kepada organisasi berbentuk keusahawanan sosial. Hal ini demikian kerana institusi zakat perlu fokus kepada memberdayakan asnaf dengan program bantuan yang dapat meningkat kemahiran dan ilmu asnaf supaya mereka dapat berusaha sendiri mencari rezeki. Kajian yang dilakukan oleh Ryandono dan Wijayanti (2019) hanya fokus kepada transformasi yang dilakukan oleh Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) di Indonesia dan mendapati program pemberdayaan keusahawanan asnaf memberi implikasi yang baik kepada ekonomi asnaf dan dapat mengurangkan kebergantungan asnaf kepada institusi zakat. Marjani (2020) turut mendapati transformasi bantuan zakat kepada bantuan berbentuk produktif seperti bantuan peralatan pertanian dan perniagaan telah memberi impak yang positif kepada ekonomi asnaf.

Dalam melaksanakan transformasi pengurusan zakat di institusi zakat, Hamzah dan St. Umrah (2020) mencadangkan agar institusi zakat melakukan pemindahan pengetahuan kepada asnaf dalam proses memberdayakan asnaf. Hal demikian kerana kebanyakan asnaf mempunyai tahap pendidikan yang rendah serta kurang kemahiran sehingga menyukarkan mereka mendapat peluang pekerjaan dan terbatas untuk menjana sumber pendapatan.

Transformasi pengurusan agihan zakat amat perlu agar pengagihan zakat dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Harun et al., (2019) mencadangkan agar institusi zakat perlu kreatif dan melakukan inovasi dalam mengurus zakat bagi meningkatkan kecekapan. (Harun et al., 2019) mendapati Pusat Pengutatan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menambah baik prasarana pembayaran zakat bersesuaian dengan perkembangan semasa iaitu dengan memperkenalkan sistem bayaran zakat atas talian dan SMS. Selain itu, isu berbangkit seperti pemohon perlu mengisi borang permohonan yang agak merumitkan serta permohonan perlu melalui banyak prosedur sebelum diluluskan satu-satu permohonan perlu diatasi oleh institusi zakat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mengenal pasti transformasi yang dilakukan oleh LZNK dalam pengurusan agihan zakat. Fasa pertama kutipan data ialah temu bual berkumpulan telah dilaksanakan dengan CEO LZNK bagi mendapatkan gambaran umum pelaksanaan transformasi di LZNK. Fasa kedua pula adalah temu bual dengan dua orang pegawai zakat yang terlibat dalam pengurusan agihan iaitu Ketua Jabatan Agihan dan Pembangunan Asnaf dan Pegawai di Bahagian Pendidikan. Temu bual ini adalah bagi mengenal pasti tranformasi yang dilakukan oleh LZNK dalam tiga aspek pengurusan agihan iaitu urus tadbir agihan, promosi produk bantuan zakat dan proses permohonan bantuan zakat.

DAPATAN

Kertas kerja ini bertujuan mengkaji transformasi yang dilakukan oleh LZNK dalam pengurusan agihan zakat. Tiga aspek transformasi pengurusan agihan yang akan dibincangkan adalah 1) Urus Tadbir Agihan ; 2) Promosi; dan 3) Proses Permohonan Agihan.

Transformasi Urus Tadbir Agihan

Bagi memantapkan aspek pengurusan agihan, transformasi telah dibuat dari segi urus tadbir agihan. Penubuhan Jawatankuasa Kecil Kutipan dan Agihan berperanan untuk menilai semua jenis kutipan daripada aspek syariah, termasuklah juga borang permohonan yang akan digunakan dalam proses permohonan bantuan zakat. Inovasi sistem kutipan dan agihan zakat juga dinilai oleh jawatankuasa ini agar semua proses yang terlibat dalam agihan zakat selari maqasid syariah dan tidak bercanggah dengan prinsip Islam.


CEO juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi (JPT) yang terdiri daripada CEO dan pegawai pengurusan tertinggi LZNK. Semua produk baharu yang dicadangkan perlu dibawa masuk ke dalam mesyuarat JPT. JPT yang dipengerusikan oleh CEO akan memperhalusi terlebih dahulu cadangan produk baharu. Hasil cadangan dan keputusan mesyuarat ini akan dimajukan kepada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah LZNK.

Keahlian Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah LZNK terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah LZNK yang dilantik. Keahliannya telah ditambahbaik dengan menggabungkan tokoh-tokoh termuka daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran. Mereka terdiri daripada ahli akademik, agamawan dan ahli perundangan. Antara ahli akademik yang dilantik ialah Professor. Dr Asmadi bin Mohamed Naim, Naib Canselor Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Dr. Akli bin Ahmad. Ahli Perundangan pula ialah Dato' Nik Azhan Hakim bin Nik Mahmood, Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah dan Dato' Syeikh Haji Abd Rahman bin Hj Abdullah yang merupakan Ketua Hakim Syarie Negeri Kedah Darul Aman. Tokoh agamawan pula ialah Tuan Syeikh Haji Ahmad Faisol bin Haji Omar Pegawai Agama Daerah Kota Setar, Tuan Mohd Nazrul bin Abd Nasir, Mudir Zawiyah Nasiriyyah dan Syeikh Aminudin bin Abd Rahim Mudir Maahad Nurul Hidayah Liita'lim Wat Tazkiyah Jln. Kampung Baru, Kampung Guar Chempedak. Selain Dato Mufti Negeri Kedah sebagai Ahli Lembaga Pengarah, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan Setiausaha Sulit KDYMM Tuanku Sultan Kedah turut dilantik sebagai ahli.

Ahli Lembaga Pengarah LZNK memainkan peranan penting dalam pentadbiran agihan zakat. Lembaga Pengarah berperanan meluluskan dasar-dasar dalam pengagihan, termasuk semua skim agihan zakat yang diperkenalkan oleh LZNK. Oleh itu, Lembaga Pengarah LZNK berkuasa penuh dalam meluluskan cadangan produk baharu LZNK. Hal ini adalah bertujuan

menjadi integriti LZNK dan meningkatkan ketelusan pentadbiran zakat di Kedah (Mohamad Zaki et al., 2021)

Dalam melaksanakan transformasi, CEO amat menekankan kepada aspek penyelidikan bagi memacu transformasi. CEO telah memperkenalkan Bahagian Dakwah dan Penyelidikan yang bertujuan melakukan penyelidikan. Sebelum sesuatu produk agihan diperkenalkan oleh Bahagian Agihan, Bahagian Dakwah dan Penyelidikan akan bekerjasama dengan Bahagian Syariah bagi membuat kertas kerja untuk perbincangan terlebih dahulu. Seterusnya Jawatankuasa kecil Kutipan dan Agihan akan bermesyuarat untuk memperakukan cadangan produk baharu. Seterusnya cadangan produk baharu akan di bawa masuk ke dalam mesyuarat Jawatan kuasa Pengurusan Tertinggi (JPT) dan seterusnya kelulusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah LZNK. Sebelum penawaran sesuatu produk yang telah diluluskan, Satu kajian persekitaran akan diadakan untuk mendapat maklum balas awal. Setelah berpuas hati, barulah produk baru ditawarkan. Proses ini dapat diringkaskan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Carta Aliran Kelulusan Produk Baharu

Transformasi Pengurusan Promosi Agihan

Transformasi dalam aspek promosi bantuan zakat adalah dengan menjadikan aktiviti agihan itu sendiri sebagai kaedah promosi bantuan zakat. CEO telah meletakkan pasukan media di bawah seliannya sera terus bagi memastikan maklumat aktiviti agihan disebarkan di media. Penggunaan media sosial seperti Face Boo, Twitter dan Tik Tok sangat membantu dalam menyebarkan maklumat berkaitan bantuan zakat yang disediakan di LZNK.

Peranan media sosial yang begitu penting pada masa kini telah dimanfaatkan oleh LZNK. Penggunaan media sosial dalam mempromosi bantuan zakat makin mendapat perhatian masyarakat dengan tindakan CEO sendiri yang turun padang mengunjungi asnaf bagi meninjau keadaan mereka dan menyampaikan bantuan zakat. Penyebaran maklumat sebegini dalam masyarakat telah berjaya meningkatkan persepsi yang baik terhadap LZNK.

Selain itu, LZNK melakukan transformasi pengiklanan dengan menyediakan papan tanda Pusat Bekalan Makanan (food bank) di semua masjid seluruh negeri Kedah. Menerusi papan tanda ini, promosi bantuan zakat berjaya sampai ke segenap pelusuk negeri Kedah termasuklah kawasan pedalaman. Billboard besar tentang bantuan LZNK juga dapat ditemui di banyak persimpangan dan jalan utama di Negeri Kedah.

Transformasi Pengurusan Proses Permohonan

Transformasi yang dilakukan dalam proses permohonan bantuan zakat adalah berkenaan tempoh kelulusan dan kaedah permohonan. Pada tahun 2020 CEO telah mewujudkan pasukan kualiti bagi memperolehi pensijilan ISO. Berdasarkan standard operasi yang ditetapkan, tempoh proses permohonan ditetapkan selama 21 hari. Bagi memastikan akauntabiliti, LZNK menetapkan Piagam Pelanggan LZNK seperti berikut:

- a. Status permohonan bantuan zakat boleh diperoleh dalam tempoh 21 hari daripada tarikh permohonan yang lengkap
- b. Pembayaran bantuan zakat dibuat dalam tempoh 14 hari daripada tarikh kelulusan bantuan

Kejayaan mencapai tempoh kelulusan permohonan dan serahan bantuan zakat yang singkat ini turut disokong oleh sistem Zakat on Touch (ZoT) dan sistem penolong amil. Menerusi ZoT, penolong amil akan terus bertindak sekiranya ada kes dilaporkan di kawasan masing-masing. Penolong amil akan menyiasat permohonan dan kes yang berlaku di kariah masing-masing. Maklumat dan pengesahan daripada penolong amil akan dapat membantu mempercepatkan proses permohonan bantuan zakat. Hal ini berbeza dengan sebelumnya kerana pegawai zakat di Pejabat Zakat Daerah perlu turun padang menyiasat permohonan. Bilangan permohonan yang banyak dan kekangan kakitangan di peringkat daerah melambatkan proses siasatan dan seterusnya memberi kesan kepada tempoh masa permohonan bantuan diluluskan.

Namun begitu, permohonan bantuan rumah tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 21 hari kerana permohonan ini melibatkan pelbagai peringkat penilaian dan pihak yang terlibat. Lazimnya masa yang diambil mencecah sebulan setengah. Proses melibatkan kerjasama dengan Pejabat Zakat Daerah dan Ibu Pejabat Zakat dalam menilai geran tanah dan tapak rumah. Bagi bantuan baiki rumah pula, pegawai zakat dan kontraktor perlu menilai kos sebenar pembaikan sebelum kelulusan diberikan.

Kaedah permohonan juga telah diubah kepada permohonan secara online. Antaranya bantuan Biasiswa, derma siswa, dan bantuan musibah Covid boleh dibuat menerusi sistem online. Permohonan online bukan sahaja memudahkan pemohon, malah proses permohonan juga dapat dipercepatkan.

PERBINCANGAN

LZNK telah melakukan transformasi dalam urus tadbir agihan dengan menambah baik proses tadbir urus dan prosedur yang jelas. Jawatankuasa Kecil Kutipan dan Agihan dan Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi (JPT) diperkenalkan bagi membincangkan produk baharu yang ingin ditawarkan. Lembaga Pengarah LZNK ditambahbaik keahliannya dengan menampilkan pakar bidang berkaitan seperti bidang muamalat dan kewangan Islam serta gandingan tokoh agamawan tempatan meningkatkan lagi kredibiliti semua keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah LZNK. Hal ini demikian kerana semua produk baharu perlulah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Lembaga Pengarah LZNK. Mohamad Zaki et al., (2021) turut mendapati LZNK mempunyai prosedur yang jelas dalam pembangunan sesuatu produk baharu.

Transformasi pengurusan promosi agihan pula didapati banyak dipacu oleh teknologi maklumat dan pendigitalan. LZNK telah memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat untuk melakukan promosi dengan efisien dan efektif. Media sosial yang menjadi tumpuan pelbagai lapisan masyarakat digunakan untuk menyalurkan maklumat berkaitan agihan bantuan zakat yang dilaksanakan oleh LZNK. Md Yusof et al., (2020) menjelaskan bahawa setiap staf LZNK juga perlu aktif dalam mempromosikan maklumat berkaitan aktiviti LZNK terutamanya aktiviti agihan bantuan, termasuk ceramah dan forum zakat menerusi facebook LZNK. Peranan media sosial juga telah dibuktikan oleh Yusoff et al., (2018) yang mendapati Internet khususnya laman web organisasi zakat tempatan seperti LZS dan PPZ serta media sosial seperti Facebook, Twitter dan aplikasi Tik Tok menjadi tumpuan pembayar zakat untuk mendapatkan maklumat berkaitan zakat. Hal ini juga selari dengan Che Mohd Salleh dan Chowdhury (2020) yang mencadangkan agar institusi zakat memanfaatkan teknologi dalam menyebarkan pengetahuan dan kesedaran berzakat kepada masyarakat.

Penyampaian maklumat kepada masyarakat sangat penting kerana menurut Aza Shahnaz, Norzalina, & Latifa Bibi Musafar (2014), individu yang mempunyai pendedahan terdedah dengan maklumat tentang zakat berkecenderungan untuk menunaikan tuntutan zakat. Pada masa lalu medium sebarang formal secara tradisonal yang berbentuk promosi seperti pameran bergerak, peranan amil kariah dan pegawai zakat di setiap daerah mungkin berkesan, namun sesuai dengan perkembangan zaman kini yang berasaskan Revolusi Industri 4.0, institusi zakat perlu melakukan transformasi untuk memanfaatkan media sosial dalam menyampaikan dakwah zakat kepada masyarakat serta maklumat yang tepat dan terkini berkaitan bantuan-bantuan zakat yang telah disalurkan kepada asnaf. Hal ini penting bagi meningkatkan keyakinan masyarakat kepada institusi zakat dan seterusnya menambah jumlah kutipan zakat.

KESIMPULAN

Kertas kerja ini telah menjelaskan bahawa LZNK melakukan transformasi dalam pengurusan agihan bermula semasa Dato Sheikh Zakaria Othman menerajui LZNK sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 2017. Kajian ini hanya meneliti transformasi dalam tiga aspek pengurusan agihan iaitu urus tadbir agihan, promosi dan proses permohonan. Aspek lain dalam pengurusan agihan seperti proses penyerahan bantuan dan produk agihan itu sendiri yang turut mengalami transformasi adalah diluar skop kertas kerja ini. Oleh itu, dicadangkan agar kajian masa hadapan mengkaji tranformasi produk agihan yang dilaksanakan oleh LZNK dan institusi zakat yang lain.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) kerana membiayai penyelidikan ini menerusi Geran Khas LZNK. Kertas Kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan bertajuk ‘Kajian Transformasi Pengurusan Lembaga Zakat Negeri Kedah Di Bawah Naungan KDYMM Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah’ di bawah Geran Luar Awam, Kod S/O 14834.

RUJUKAN

- Che Mohd Salleh, M., & Chowdhury, M. A. M. (2020, December 4). Technological Transformation in Malaysian Zakat Institutions. *International Journal of Zakat*, 5(3), 44-56. <https://doi.org/https://doi.org/10.37706/ijaz.v5i3.263>
- Hamzah Hamzah, & St. Umrah St. Umrah. (2020). Transformasi ekonomi zakat: Penerima menjadi wajib zakat. *Al-Mizan: Jurnal Hukum dan Ekonomi Islam*, 4(1), 1-16. <https://doi.org/10.33511/almizan.v4n1.1-16>
- Harun, M. S., Rosele, M. I., & Mansor, M. S. (2019). Pentadbiran Zakat Fitrah Oleh Majlis Agama Islam Negeri (Main) Malaysia: Satu Tinjauan. *Labuan E-Journal of ...*, 21–31. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/LJMS/article/view/2530>
- Md Yusof, S., Md Tahir, R., Othman, A., & Hamed, A. B. (2020). Pelaksanaan pengurusan agihan zakat di Kedah. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 2(2), 50–57.
- Mardani, Dede Aji. (2020). Transformasi ekosistem zakat muslim kelas menengah. *Jurnal Ekonomi Syariah*, 1(1), 1-14.
- Mohamad Zaki, M. M., Sulong, J., & Zainal, H. (2021). the Determinants of Zakat Education. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 1(2), 123–147.
- Ahmad Razimi, M. S., Abd Rahim, R., & Muhamad Farid, M. E. (2016). Zakat Management in Malaysia: A Review. *Journal of Scientific Research*, 11(6), 453–457. <https://doi.org/10.5829/idosi.ajejsr.2016.453.457>
- Nor Paizin, M. (2016). Institusi Pungutan Zakat (IPZ): Menilai Objektif Institusi. In *Menelusuri Isu-Isu Kontemporari Zakat* (Issue September, pp. 311–328). Pusat Pungutan Zakat (PPZ) & Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Othman, Z., Zainal, H., Othman, A., & Mustaffa, M. A. (2021). Peranan Lembaga Zakat Negeri Kedah dalam menyuburkan pendidikan orang Kedah. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IX: Naskhah Ulama Melayu Dalam Akal Budi Nusantara, December*, 617–626.
- Ryandono, M., & Wijayanti, I. (2019). Transformasi tata kelola lembaga zakat pada pemberdayaan social entrepreneur. *Jurnal Akuntansi Multiparadigma*, 10(1), 135-155. [doi:http://dx.doi.org/10.18202/jamal.2019.04.10008](http://dx.doi.org/10.18202/jamal.2019.04.10008)
- Wijayanti, I., & Ryandono, M. N. H. (2020). Zakat institutions' mustahiq transformation in developing countries: Comparison study. *Opcion*, 36(Special Edition 26), 350–366.
- Yusoff, S. H., Hussin, R., Hassan, F., & Ramli, K. (2018). Keberkesanan media mempromosikan zakat pendapatan sebagai alternatif kepada cukai pendapatan. *'Abqari Journal*, 13(June), 49–58. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.14536.62720>